

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN N SURENDRAN A/L
K NAGARAJAN [PADANG SERAI]**

TARIKH : 5 APRIL 2017

SOALAN :

YB Tuan N Surendran A/L K Nagarajan [Padang Serai] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi memberi jaminan pegangan jawatan (security of tenure) bagi Peguam Negara.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Peguam Negara ialah suatu jawatan yang telah diwujudkan di bawah Fasal (1) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan peruntukan ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah, atas nasihat Perdana Menteri, melantik seseorang yang layak menjadi hakim Mahkamah Persekutuan sebagai Peguam Negara bagi Persekutuan.

Fasal (2) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa menjadi kewajipan Peguam Negara menasihati Yang di-Pertuan Agong atau Jemaah Menteri atau mana-mana Menteri mengenai apa-apa perkara undang-undang, dan melaksanakan apa-apa tugas lain yang bersifat undang-undang, yang dari semasa ke semasa dirujuk atau ditugaskan kepadanya oleh Yang di-Pertuan Agong atau Jemaah Menteri, dan menunaikan fungsi yang diberikan kepadanya oleh atau di bawah Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

Fasal (5) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Peguam Negara hendaklah memegang jawatan selama diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dan boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dan melainkan jika dia ialah anggota Jemaah

Menteri, hendaklah menerima apa-apa saraan yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Sekian, terima kasih.